



27 Mac 2024

## SIDANG AKHBAR KHAS PAC

### PEMBENTANGAN LAPORAN KEMAJUAN SUKU PERTAMA TAHUN 2024 PAC PARLIMEN KE-15

1. Sejak bulan Januari tahun 2024, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) telah melaksanakan aktiviti seperti berikut:
  - i. 2 mesyuarat pra-prosiding;
  - ii. 17 mesyuarat prosiding;
  - iii. 6 mesyuarat *housekeeping*;
  - iv. 5 mesyuarat verifikasi; dan
  - v. 3 sesi taklimat.
2. Daripada aktiviti yang dinyatakan ini, sejumlah 10 mesyuarat prosiding, 6 mesyuarat *housekeeping*, 5 mesyuarat verifikasi dan 1 taklimat telah diadakan bagi sepanjang tempoh Mesyuarat Pertama Sidang Dewan Rakyat untuk tahun ini yang bermula sejak 26 Februari 2024.
3. Secara keseluruhannya, PAC telah bermesyuarat secara purata selama 83 jam bagi suku pertama tahun 2024 yang membabitkan 12 Kementerian dan ini tidak termasuk satu lawatan kerja yang telah diadakan di Sarawak pada 5 Februari 2024 bagi meninjau kondisi 4 buah sekolah daif.

4. Hasil daripada kesemua aktiviti PAC bagi suku pertama tahun 2024, sebanyak 4 Laporan PAC dan 3 Laporan Tindakan Susulan Kementerian telah dibentangkan semasa Mesyuarat Pertama Sidang Dewan Rakyat kali ini seperti berikut:
  - i. Laporan Tindakan Susulan Kemajuan Projek Pembangunan Kapal Peronda Generasi Kedua – *Littoral Combat Ship* (LCS) Tentera Laut Diraja Malaysia bagi tempoh Oktober 2022 hingga September 2023 pada 29 Februari 2024;
  - ii. Laporan UiTM Holdings Sdn. Bhd pada 18 Mac 2024;
  - iii. Laporan Pengurusan Pembangunan Hartanah Lembaga Pembangunan Langkawi pada 19 Mac 2024;
  - iv. Laporan Program Ramalan dan Amaran Banjir pada 20 Mac 2024;
  - v. Laporan Pengurusan Naik Taraf dan Pembangunan Semula Bangunan Daif di Sekolah pada 21 Mac 2024;
  - vi. Laporan Tindakan Susulan Pengurusan Wabak Covid-19: Vaksin Luput Tempoh Hayat, Peralatan Ventilator Tidak Dapat Digunakan dan Lebihan *Personal Protective Equipment* (PPE) pada 25 Mac 2024; dan
  - vii. Laporan Tindakan Susulan Terimaan dan Bayaran Obligasi Sosial Perjanjian Konsesi Pengurusan Industri Padi dan Beras Negara pada 26 Mac 2024.
5. Seterusnya, sebanyak 3 isu telah selesai melalui prosiding tapi masih belum dibentangkan iaitu isu **FELCRA Berhad**, isu **Pengurusan Dana Latihan dan Keberkesanan Program Latihan HRD Corp.** serta isu **Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar**.

6. Selain itu, dimaklumkan juga bahawa terdapat 2 prosiding PAC yang sedang dijalankan iaitu isu **Pengurusan Penanaman Padi** dan isu **Pengurusan Pelaksanaan Projek Sistem Aliran Pantas Pelbagai Lorong (MLFF)**.
7. Di samping itu, sebanyak 2 prosiding baharu akan dimulakan selepas sambutan Hari Raya Aidilfitri iaitu isu **Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)** yang akan dilaksanakan berdasarkan Peraturan Mesyuarat (PM) 77(1)(c) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat (PPMMDR) dan isu **Pembangunan dan Perolehan Sistem Imigresen Bersepadu Nasional (NIISe)** yang akan dijalankan berdasarkan PM 77(1)(d) PPMMDR.
8. Prosiding LTAT akan bermula pada 20 Jun 2024 dengan memanggil mantan Pengerusi LTAT, mantan Ketua Pegawai Eksekutif LTAT dan mantan Pengarah Kanan Strategik LTAT.
9. Bagi isu Perolehan dan Pembangunan NIISe, PAC akan memulakan prosiding ini dengan memanggil saksi daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Cybersecurity, vendor-vendor berkaitan dengan sistem ini termasuk Sistem Keselamatan Imigresen Nasional Negara (SKIN). Tarikh mula prosiding berhubung isu ini akan ditetapkan kemudian dan Terma Rujukan (TOR) akan diserahkan kepada KDN dan JIM sebagai persediaan untuk menyediakan maklumat berkaitan.
10. PAC memutuskan untuk memulakan prosiding ini berikutan Jawatankuasa ini terkesan dengan keputusan Mahkamah Tinggi yang memerintahkan Kerajaan membayar sejumlah RM231.5 juta kepada sebuah syarikat atas penamatkan Kontrak bagi projek SKIN yang kini dikenali sebagai NIISe.

11. Berdasarkan 7 laporan PAC yang telah dibentangkan, PAC Parlimen ke-15 merumuskan bahawa Kerajaan perlu terus berusaha bagi memastikan pengurusan kewangan negara terutama sekali daripada kontrak, perolehan dan keutamaan projek yang dilaksanakan diberikan perhatian.
12. PAC risau dan bimbang kerana kebanyakan isu disiasat oleh PAC masih mempunyai elemen-elemen seperti berikut iaitu:
  - i. proses pembangunan sesuatu projek dimulakan terlebih dahulu walaupun kontrak masih belum dimuktamadkan;
  - ii. kelewatan pelaksanaan projek berpunca daripada pemilihan kontraktor yang tidak cekap; dan
  - iii. kelemahan dalam memantau pengurusan projek.
13. Bagaimanapun, PAC berpendapat tindakan korektif yang diambil oleh pihak bertanggungjawab bagi menyelesaikan segala isu berbangkit seharusnya dipuji. Namun, lebih elok jika kesemua projek dilaksanakan secara teratur tanpa sebarang masalah agar rakyat dapat menikmati manfaatnya.
14. Akhir kata, PAC berpuas hati dengan kerjasama yang diberikan oleh semua Ahli PAC termasuk juga pihak ex-officio yang telah menasihati dan memberikan panduan dalam setiap mesyuarat bagi memastikan laporan yang dihasilkan adalah telus dan komprehensif. Ribuan terima kasih diucapkan dan setinggi-tinggi penghargaan kepada mereka.

Sekian, terima kasih.

**YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin**  
**Pengerusi PAC Parlimen**